

IPMB UMS lakar sejarah berjaya hasil bibit ketam bakau

Oleh Marryan Razan marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) IPB UMS sekali lagi melakar sejarah dalam arena penyelidikan apabila berjaya menghasilkan bibit ketam bakau (*Scyllia tranquebarica*).

Pengarah IPMB UMS Prof.Dr.Rossita Shapawi berkata, kajian itu sudah lama dilaksanakan dan membuah hasil dengan penemuan terbaru yang dijangka dapat membantu merangsang pembangunan industri perikanan negeri terutamanya ketam bakau.

“Daripada penyelidikan ini, kami mendapati ada trend penurunan populasi ketam bakau di hutan bakau dan ini agak merisaukan kita.

“Sebab itu kita jalankan penyelidikan dan kita berjaya menghasilkan bibit ketam bakau. Kita berharap ia dapat membantu meningkatkan lagi pembiakan ketam bakau,” katanya pada sidang akhbar mengenai penemuan terbaru itu, di IPMB UMS, di sini, kelmarin.

Dr. Rossita berkata sebelum ini IPMB menjalankan kajian yang sama terhadap ikan dan ketam adalah kejayaan terbaru untuk membantu industri perikanan negeri.

“Tidak seperti ikan yang sebahagian bekalan kita boleh perolehi daripada akukultur, bekalan ketam bergantung sepenuhnya kepada habitat liar yang kita tangkap dari kawasan semula jadi.

“Dengan ini penemuan menghasilkan bibit ketam bakau satu penemuan signifikan dalam perkembangan industri akukultur di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata berbeza dengan Sememanjung Malaysia *S.tranquebarica* merupakan sepsis dominan di Sabah dan selalunya ditemui dijual di pasar-pasar tempatan dan restoran makanan laut.

“Di Hatceri Udang UMS, usaha pembiakan dalam kurungan bagi sepsis ketam batu bermula sejak tahun 2013. Pada peringkat permulaan pembiakan, pihak kami berdepan dengan beberapa masalah termasuk jangkitan penyakit serta kanibalisme yang mengakibatkan kematian sejumlah besar induk,” katanya.

Katanya, dengan adanya penyelidikan yang dijalankan oleh kumpulan pakar di IPMB, patogen-patogen yang mengakibatkan jangkitan penyakit itu telah dikenalpasti dan langkah-langkah pencegahan diwujudkan bagi memperbaiki atau meningkatkan pengurusan induk serta larva.

“Sejak dari itu, pihak kami berjaya mempertingkatkan mutu kemalangan induk dalam kurungan melalui pelbagai usaha seperti penambahbaikan nutrisi induk, simulasi aktiviti pasang surut dan pewujudan habitat yang meniru habitat asal di kawasan bakau,” katanya.

Dr. Rossita berkata, walaupun skala pengeluaran di Hatceri Udang adalah kecil pada peringkat ini, namun pihaknya berjaya menghasilkan berjuta-juta larva dengan kadar ketahanan lima peratus ketam instar.

Di Sabah, sebelum ini ketam bakau dan aktiviti akuakultur seperti penghasilan ketam berkulit lembut bergantung sepenuhnya kepada sumber asal.

Kejayaan penghasilan anak ketam melalui akukultur merupakan satu pencapaian amat signifikan dalam industri ini kerana ia memungkinkan penghasilan bibit untuk pemeliharaan ketam secara komersil dan juga membaik pulih sumber-sumber semulajadi melalui program penambahbaikan stok.

Pelbagai kajian dan usaha akan diteruskan di UMS dan dengan kolaborasi bersama Tokyo University of Marine Science and Technology dalam bidang penghasilan larva ketam bakau, kami berharap akan memperoleh dapatan yang lebih baik dan seterusnya menyumbang kepada industri akuakultur dan sumber perikanan, katanya.

Turut hadir Timbalan Pengarah IPMB UMS Prof Madya. Dr.Sitti Raehanah Muhamad Shaleh dan Pengurus Hatceri Udang IPMB yang juga ketua penyelidik dan pensyarah kanan UMS Dr.Annita Yong Seok Kian.

By : MARRYAN RAZAN

New Sabah Times